


PERCUMA



Wadah MAIPk



مجلس أئمّة إسلام
دان عادت ملايو فيراق



MAIPk TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN
BERJUMLAH **RM13.1 JUTA**



MAIPk GIAT TURUN
PADANG SANTUNI
ASNAF



MAIPk LAHIRKAN
ASNAF BERJAYA



**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**



**MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1441
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

TARIKH: 1 MUHARRAM 1441 / 1 SEPTEMBER 2019 (AHAD)

JAM: 9.15 PAGI TEMPAT: CASUARINA@MERU IPOH

Negara Rahmah Ummah Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى أَلِيٍّ وَصَاحِبِهِ وَالثَّالِتِ بِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Hari ini, lebih 1.8 bilion umat Islam di seluruh dunia menyambut tahun 1441 Hijrah. Hijrah melambangkan keikhlasan dan pengabdian seorang hamba demi keimanan dan keyakinan kepada ALLAH dan syariat Nya. Para muhajir telah meninggalkan tanah air, kekayaan, keluarga dan sahabat kerana menyahut seruan ILAHI dan Rasul Nya. Firman ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam ayat 20 surah At-Taubah, bermaksud:

“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan ALLAH, dengan harta dan jiwa mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi ALLAH. Mereka itulah orang-orang yang memperoleh kemenangan.”¹

2. Peristiwa hijrah berlaku tiga belas tahun setelah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam

diangkat menjadi Rasul. Dalam tempoh tiga belas tahun tersebut, 4,780 ayat, mengandungi hampir dua pertiga kandungan Al-Quran telah diturunkan di Mekah. Ayat-ayat yang diturunkan di Mekah, disusun kemudiannya di dalam 86 surah yang dikenali sebagai Surah Makkiyyah. Ayat-ayat Makkiyyah pada umumnya mengandungi hal-hal berhubung dengan keimanan, ancaman dan pahala, kisah-kisah umat terdahulu yang mengandungi pengajaran dan budi pekerti.²

3. Ayat-ayat Makkiyyah, yang memahat atas keimanan yang kukuh dalam jiwa para sahabat dan pengikut, telah membantu usaha-usaha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, untuk memulakan babak baharu, sebaik Baginda bertapak di bumi Madinah; beralih peranan daripada menyebarkan dakwah Islamiah kepada peranan seorang



¹ Al-Quran; Surah At-Taubah (9:20)

² Al-Quran Dan Terjemahnya, (Djakarta: Lembaga Penjelenggara Penterjemah Kitab Suci Al Quran, 1970), 25.

pemimpin dan negarawan, yang mengasaskan sebuah pemerintahan dan penubuhan negara Islam. Seribu empat ratus lima puluh enam (1,456) ayat al-Quran kemudiannya diturunkan di Madinah, dikenali dengan ayat-ayat Madaniyyah, yang disusun di dalam 28 surah, mengandungi hukum-hukum, merangkumi hukum adat atau hukum dunia, seperti hukum kemasyarakatan, hukum ketatanegaraan, hukum perang, hukum antarabangsa dan hukum antara agama.³ Ayat-ayat yang diturunkan di Madinah telah dijadikan asas rujukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam untuk melaksanakan pemerintahan negara-kota Madinah berteraskan undang-undang.

4. Pemerintahan di Madinah berteraskan undang-undang bertulis yang dikenali sebagai Piagam Madinah. Piagam tersebut merupakan perlembagaan bertulis pertama yang didokumenkan berbentuk undang-undang perlembagaan (constitutional law), menjadi contoh kaedah penyelesaian konflik menurut yang dianjurkan oleh Islam, dengan memberikan keutamaan kepada matlamat pembangunan ummah yang lebih besar, mengimbangkan kepentingan dan keperluan pelbagai pihak secara adil - secara saksama, daripada sekadar memenuhi kepentingan sesuatu pihak dan keperluan seseorang individu.

5. Peristiwa hijrah telah membuka lembaran sejarah teragung, memperkembangkan peradaban minda. Islam telah meluncurkan perubahan radikal dalam seluruh aspek kehidupan insan dan masyarakat, memperkenalkan peraturan dan disiplin hidup, mengikut lunas syariat. Islam memperindah tugas dan tanggungjawab manusia yang melambangkan khaira ummah, merangkumi pengurusan ibadah, munakahat, muamalah, jenayah dan pelbagai perkara lagi.

6. Lahirlah komuniti ummah dengan titik penyatupadan, terbangunlah sebuah masyarakat Islam yang hidup secara rukun, dan turut menjalinkan hubungan harmoni dengan orang-orang bukan Islam. Ummah di negara-kota Madinah di kenali sebagai umattan wahidatan, iaitu umat yang menekankan kesatuan dan hubungan rapat. Struktur berpuak dalam masyarakat Arab, diubahsuai kepada satu bentuk kesatuan sosial yang baharu, berdasarkan prinsip-prinsip petunjuk daripada ILAHI, kenabian dan syariah. Sistem politik kenabian yang berasaskan

Imam dan ummah telah berjaya menyatupadukan ummah dalam semua aspek bernegara, merangkumi sistem politik, sistem ekonomi dan sistem sosial, lalu tercipta zaman pencerahan (renaissance).

7. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam mengutamakan usaha menyatukan penduduk Madinah agar dapat tinggal secara aman dan rukun, dalam semangat yang menerima hakikat terdapatnya perbezaan antara pelbagai kumpulan, puak dan kabilah. Mesej penyatuan yang dipelopori oleh Baginda berjaya menyatukan penduduk Madinah, mengharmonikan hubungan antara pelbagai keturunan, kaum dan agama dalam semangat saling menerima – saling mengenali – saling menghormati. Baginda memperkenalkan nilai-nilai murni, tidak membezakan penduduk Madinah berdasarkan kabilah, mengikis sikap berpuak-puak yang memikirkan kabilah masing-masing lebih baik daripada kabilah pihak lain. Di samping mempersaudarakan golongan Muhibbin dan Ansar, dua puak utama, Aus dan Khazraj, yang bermusuhan dan berperang sejak bertahun lamanya, berjaya disatukan. Islam lalu dihormati kerana mengutamakan perdamaian dan mengamalkan sifat inklusif, yang memberikan keadilan bukan sahaja kepada umat Islam tetapi kesaksamaan keadilan kepada yang bukan Islam.

8. Penduduk Madinah apabila berjaya disatukan, membolehkan Baginda dan para sahabat menumpukan perhatian, fikiran, tenaga dan masa untuk melaksanakan tugas lebih besar, menyebarkan ajaran Islam ke kawasan yang lebih luas dengan menjadikan pemerintahan dan kerajaan Madinah sebagai contoh teladan.

9. Pada 31 Ogos 1957, negara kita berhijrah daripada sebuah tanah jajahan kepada sebuah negara merdeka. Semalam kita, menyambut ulang tahun kemerdekaan tanah air kali ke enam puluh dua. Bumi ini, dengan penentuan ILAHI dikurniakan dengan pelbagai kekayaan sumber termasuk sumber manusia. Dengan penentuan ALLAH jua, ketika kemerdekaan dituntut, bumi ini dihuni oleh penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum yang menganuti pelbagai agama, menguasai pelbagai bahasa, mengamalkan pelbagai budaya. Sejarah menunjukkan, pada bila-bila masa, dan di mana sahaja, akan terdapat suara ultra bangsa dan pendirian ekstremis agama. Barisan pemimpin begitu juga penduduk di negara ini, 62 tahun yang lalu,

³ Ibid.

mempunyai opsyen, sama ada memilih berperang saudara sesama sendiri terlebih dahulu, untuk menentukan siapa yang lebih dominan, atau memilih menjalin hubungan kerjasama, dalam semangat satu warga-satu negara, secara bersama memperjuangkan kemerdekaan. Alhamdulillah, dengan petunjuk dan rahmat ILAHI juga, majoriti besar penduduk di bumi ini, memiliki hikmah dan kebijaksanaan, berpendirian moderat dan bersifat rasional, memilih untuk menjalin hubungan kerjasama.

10. Kepelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya, adalah realiti dunia, mencerminkan kebesaran ciptaan ILAHI. Firman ALLAH dalam ayat 13 Surah Al-Hujuraat, bermaksud:

*"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi ALLAH ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."*⁴

11. Dunia ciptaan ILAHI ini diwujudkan dengan kepelbagaiannya, diciptakan umat yang pelbagai, sebagai salah satu daripada tandatanda kebesaran ILAHI. Ayat 22 dalam Surah Ar Ruum, bermaksud:

*"Dan antara tanda-tanda kekuasaan Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasa mu dan warna kulit mu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui."*⁵

12. Para ulama, bersama para umara, dengan persetujuan majoriti penduduk, dalam semangat saling membantu, telah merangka formula pembentukan sebuah negara merdeka di bumi ini, berlandaskan semangat perangkuman (inclusiveness). Hakikatnya, setiap penduduk di bumi ini, diterima sebagai hamba Allah yang wajib diberikan ruang untuk bertapak, dan langit untuk bernaung. Budaya musyawarah – budaya berunding - budaya berkonsultasi, dipilih daripada budaya saling bermusuh - saling menyelar – saling mencela. Permuafakatan penduduk pelbagai kaum -

pelbagai agama menjadi tonggak dan teras kekuatan sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka lagi berdaulat, disusuli kemudian dengan penubuhan Malaysia. Permuafakatan penduduk pelbagai kaum dan keharmonian hubungan penduduk pelbagai agama, malangnya telah digugat ketika tercetusnya peristiwa perselisihan kaum pada 13 Mei 1969. Akibatnya, sebahagian penduduk saling mencurigai lalu muncul untuk seketika tembok pemisah, yang menjelaskan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat pelbagai kaum – pelbagai agama. Kebijaksanaan dan rasa tanggungjawab barisan pemimpin pasca peristiwa 13 Mei, telah dapat mengembalikan kerukunan dan keharmonian hubungan, lantas membolehkan negara memberikan tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan, hingga Malaysia muncul sebagai sebuah negara sedang membangun yang progresif, dicontohi dan dihormati di peringkat antarabangsa.

13. Adama Dieng, Penasihat Khas Pencegahan Genosid kepada Ban Ki-moon, di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengingatkan, bahawa jenayah kebencian didahului dengan ucapan bernada kebencian. Genosid kaum Tutsi di Rwanda bermula dengan ucapan kebencian, Holocaust tidak bermula di bilik gas beracun, tetapi bermula jauh lebih awal dengan ucapan kebencian, begitu juga keadaan yang dihadapi orang-orang Arab di Palestin, orang-orang Rohingya di Myanmar, dan serangan masjid di New Zealand, setiap satunya dimulai dengan ucapan kebencian. Tidak terkecuali, walaupun berskala kecil, peristiwa 13 Mei 1969, merupakan bom jangka yang meletup, didahului dengan ucapan-ucapan bernada kebencian.

14. Setelah 62 tahun negara mencapai kemerdekaan, kebelakangan ini suara menyemai kebencian antara kaum - antara agama semakin diucapkan. Suhu politik di dalam negara pasca Pilihan Raya Umum keempat belas, semakin hari semakin dipanaskan, dilakukan oleh pemimpin politik daripada kedua-dua pihak, baik yang menang begitu juga yang tewas. Sifat-sifat kaduk menaiki junjung dan sifat-sifat memilih lebih mahu berputih tulang setelah berputih mata oleh sebahagian pemimpin politik, telah meningkatkan suhu permusuhan dalam kalangan warga. Perbuatan ‘mengata dulang paku serpih’ melalui persaingan melukis wajah lebih hodoh lawan politik, semakin menambahkan mendung di langit negara.

⁴ Al-Quran; Surah Al Hujuraat, (49:13)

⁵ Al-Quran; Surah Ar Ruum (30:22)

15. Pelbagai provokasi secara keterlaluan dilaporkan dilakukan, antaranya, meletak patung dan melemparkan daging khinzir di dalam masjid, meletak kepala lembu di kuil Hindu, menyebarkan pelbagai bahan diyah, fitnah dan penghinaan melalui media sosial, termasuk penghinaan terhadap agama Islam dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Sebahagian besar daripada perbuatan-perbuatan tersebut dilaporkan dilakukan kerana upahan. Bara perkauman semakin disemarakkan, api permusuhan antara agama semakin dinyalakan. Setiap ungkapan dan setiap perbuatan sedemikian, sebenarnya merupakan pemasangan satu bom jangka, yang menantikan masa untuk meletup.
16. Kebenaran fakta dan kesahihan berita tidak dipentingkan, di sebaliknya emosi semakin mempengaruhi diri, termasuk dalam kalangan terpelajar. Minda warga semakin diracuni, hinggakan warga menjadi terlalu taasub, semakin berminda tertutup. Setiap insiden, daripada kejadian jenayah di jalan raya kepada tindakan disiplin seorang guru di sekolah, atau seorang majikan di pejabat, warna baju yang dipakai oleh pemimpin, kesilapan mengibarkan bendera, perubahan kurikulum pengajian, dilihat dan ditafsirkan secara negatif, menurut dimensi kaum dan agama. Keadaan ini amat tidak sihat, meletakkan negara berada dalam zon bahaya yang mencemaskan. Majoriti warga di negara ini cintakan keamanan. Mereka semakin resah - semakin gelisah, berasa bimbang - berasa takut. Sedarilah! serpihan daripada letupan bom jangka ini, tidak mengenal mangsa, malah anak cucu serta kaum kerabat pemasang bom jangka, turut terdedah kepada akibat daripada perbuatan-perbuatan berfikiran singkat.
17. Apakah kemenangan yang mahu diperoleh oleh sebahagian mereka yang bergelar pemimpin, bersaing mempamerkan ego masing-masing, sehingga sanggup meletakkan nilai diri sebegini rendah, dalam hasrat mencari pengaruh dan mendapatkan sokongan politik. Apakah kepuasan yang bakal dihirup, sekiranya darah warga membahasi bumi, mayat bergelimpangan, bangunan terbakar, dan kenderaan hangus dijilat api. Suhu panas ini wajib segera diturunkan. Perbuatan menyalakan api perkauman, perbuatan meniupkan bara permusuhan antara agama, wajib dihentikan tanpa berlengah. Undang-undang wajib didaulatkan supaya keselamatan nyawa, keselamatan harta benda warga yang tidak berdosa, terjamin dilindungi.
18. Ya Allah, mengambil berkat melangkah ke tahun 1441 Hijrah ini, kami pohonkan rahmat daripada Mu juga, untuk Engkau sinarkan hati-hati kami dengan roh Islam yang mengutamakan perdamaian, dan dijauhkan para hamba-Mu yang lemah ini, daripada dipengaruhi oleh nafsu amarah dan dendam ketika bertindak. Engkau amanahkan bumi Malaysia ini kepada pimpinan yang amanah lagi ikhlas, pimpinan yang membawa suara kesederhanaan (voice of moderation), suara yang munasabah (voice of reasons), suara rasional dan suara persaudaraan, agar para hamba-Mu yang berbilang kaum – berbilang agama ini, hidup rukun dan harmoni, bumi Mu ini dilimpahi rezeki yang melimpah ruah, membolehkan para hamba-Mu berada dalam makmur dan sejahtera.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



MAIPk TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH RM13.1 JUTA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos 2019 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima pemberian Zakat Perniagaan berjumlah RM13,196,212.59 juta bagi tahun 2018 daripada lima buah syarikat. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berkenan menerima zakat tersebut bagi pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjadi pembayar zakat perniagaan terbesar dengan jumlah RM12,191,403.13 diikuti Agrobank RM446,700.00 dan QSR Brands (M) Holdings Bhd RM379,555.00. Co-opbank Pertama Malaysia Berhad pula menyerahkan zakat berjumlah RM109,604.46 manakala Rural Capital Berhad sebanyak RM68,950.00.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak kemudian berkenan menyerahkan cek-cek pembayaran zakat berkenaan kepada Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Majlis ini turut dihadiri oleh tiga orang Anggota MAIPk iaitu YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin dan YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan MAIPk).



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA MAIPK



Takaful Malaysia Keluarga Berhad Berjumlah RM35,714.29 Pada 16 April 2019



Lembaga Tabung Haji (TH) Berjumlah RM5,785,570.19 Pada 29 April 2019



Gas Malaysia Berhad Berjumlah RM220,000.00 Pada 21 Ogos 2019



Pertubuhan Peladang Kawasan Gunung Semanggol Dan Selinsing Berjumlah RM57,441.35 Ribu Pada 22 Ogos 2019



Syarikat Cadar Bestseller Sdn Bhd Dan Zida Supplies Berjumlah RM41,600.00 Dan RM13,510.00 Pada 5 September 2019



Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) RM20,000 Pada 25 September 2019



Kelab Usahawan PUNB Perak (KUPP) RM49,138.25 25 Pada September 2019

Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Spa Kecantikan Dan Salon Rambut Muslimah, Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A)

IPOH, 26 Julai 2019 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Spa Kecantikan dan Salon Rambut Muslimah, Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) 2019 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. MAIPk telah bekerjasama dengan dua buah syarikat penyedia khidmat latihan bagi memberi bimbingan dan latihan kepada usahawan asnaf mengenai ilmu pengurusan perniagaan. Tujuan

bantuan ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup dan menambah ilmu keusahawanan kepada para asnaf seterusnya menjana pendapatan keluarga. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari dan turut dihadiri Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee serta pegawai-pegawai MAIPk.



Majlis Perasmian Projek Cili Fertigasi dan Tuaian Hasil Pertama

GERIK, 21 Ogos 2019 - Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Perasmian Projek Cili Fertigasi dan Tuaian Hasil Pertama bagi peserta Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) 2019 di Kg. Alai, Gerik. Projek cili fertigasi ini merupakan salah satu program yang dilaksanakan pada tahun 2019. Seramai 20 orang peserta telah terpilih mengikuti program ini dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM350,000.00. Bantuan Modal MAIPk ini diperuntukkan di bawah Asnaf Fakir Miskin dan diberikan kepada asnaf yang produktif serta boleh menjana pendapatan mereka melalui perniagaan dalam bidang pertanian.

Salah seorang peserta program Puan Siti Sara Md. Zahid kini telah berjaya menjadi usahawan tanaman cili hasil bantuan daripada MAIPk. Pihak MAIPk menyediakan bantuan sebanyak RM17,500 untuk Puan Siti Sarah menjalankan projek ini dengan tunuk ajar sebuah syarikat vendor yang dilantik. Beliau mula menanam sebanyak 2,000 pokok cili kulai dalam polibeg menggunakan sekam padi yang telah dibakar Mei lalu dan tanaman itu mula mengeluarkan hasil dalam tempoh 75 hari. Setiap hari beliau mengutip kira-kira 100 kilogram cili dan menjualnya di beberapa kedai runcit sekitar Gerik pada harga RM12 hingga RM16 sekilogram. Melalui bidang pertanian ini diharapkan dapat membantu golongan asnaf tersebut keluar dari kelompok kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato’ Ar. LA Meor Roslan bin Dato’ Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah serta pegawai-pegawai dan pekhidmat MAIPk.



PROGRAM JEJAK ASNAF

Program Jejak Asnaf MAIPk memberi makna besar kepada MAIPk dalam memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Pihak MAIPk dapat bertemu dan melihat dengan lebih jelas keadaan sebenar kehidupan asnaf yang tidak bernasib baik ini walaupun lokasinya di dalam kawasan pedalaman kampung. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan akan dipertimbangkan oleh pihak MAIPk seperti bantuan perubatan, bantuan kewangan bulanan dan bantuan bina rumah sebagai langkah susulan daripada program jejak asnaf ini agar nasib mereka akan terbela dan mendapat perhatian yang sewajarnya.

JEJAK ASNAF DAERAH BATU GAJAH 27 OGOS 2019

Program Jejak Asnaf telah melakukan ziarah ke lapan buah rumah di sekitar Batu Gajah. Program ini diketuai oleh A.F Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk dan Pengawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, A.F Ustaz Ahmad Fadzil bin Mustaffa.



JEJAK ASNAF DAERAH MANJUNG 27 OGOS 2019

Program Jejak Asnaf ini telah menyantuni enam buah rumah asnaf di sekitar Kampung Teluk Pencalang, Jalan Padang Tembak, Kampung Batu 4 Segari, Pantai Remis dan dua buah rumah di Kampung Sungai Ramai, Ayer Tawar. Program ini telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pegawai Baitulmal Daerah Manjung, Encik Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor serta pegawai-pegawai MAIPk.



JEJAK ASNAF DAERAH TAIPING 04 SEPTEMBER 2019

Program Jejak Asnaf di Kamunting dan Batu Kurau telah menyantuni lapan buah keluarga dalam usaha MAIPk mengesan asnaf untuk diberikan bantuan. Program ini telah diketuai oleh Timbalan Pegawai Ketua Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan Pegawai Baitulmal Daerah Daerah Taiping, Encik Mohd Hafzie bin Abd Karim.





JEJAK ASNAF DAERAH SERI ISKANDAR 11 SEPTEMBER 2019

Sebanyak enam buah keluarga telah diziarahi MAIPk di sekitar Mukim Bota dan Layang dalam program Jejak Asnaf yang diketuai oleh Tuan Haji Muzammil bin Arbain, Pengurus Bahagian Agihan Zakat dan A.F Ustaz Johar bin Zainal Abidin, Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar.

JEJAK ASNAF DAERAH MUALLIM 12 SEPTEMBER 2019

Sebanyak tujuh buah rumah asnaf telah diziarahi di kawasan Mukim Slim dan Mukim Hulu Bernam Timur yang telah diketuai oleh A.F Tuan Haji Ahamad Muzammil bin Haji Arbain, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, dan Pengawai Baitulmal Daerah Muallim, Encik Dzulbazli bin Mahamad Ali.



JEJAK ASNAF DAERAH KUALA KANGSAR 24 SEPTEMBER 2019

Program Jejak Asnaf Daerah Kuala Kangsar di Mukim Lubok Merbau, Mukim Kota Lama Kiri dan Mukim Chegar Galah telah menyantuni sembilan buah rumah asnaf. Timbalan Pegawai Ketua Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari telah mengetuai program ini bersama Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Encik Wan Abdul Halim Hafiidz Mohd Amin serta para pegawai di bahagian agihan zakat dan kakitangan MAIPk Kuala Kangsar.





JEJAK ASNAF DAERAH LENGGONG 24 SEPTEMBER 2019

Program Jejak Asnaf Daerah Lenggong di Mukim Lenggong, Temelong dan Durian Pipi dipimpin oleh Timbalan Pegawai Ketua Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, YBrs. Tuan Haji Mohd Hadi bin Sulaiman yang mengetuai program ini bersama Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Mohd Azwari bin Mohd Izroi, para pegawai di bahagian agihan zakat dan kakitangan MAIPk Lenggong. Semasa program ini diadakan, sebanyak enam buah rumah asnaf telah disantuni untuk disampaikan bantuan.

PROGRAM TADABBUR AL-QURAN

IPOH, 30 Ogos 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Program Tadabbur Al-Quran bagi warga kerja Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali. Majlis ini dianjurkan dibawah projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan, MAIPk melalui Program Dana Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran. YBrs Dr. Mohd Fahmi bin Abdul Khir, Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Perak yang juga Anggota MAJLIS telah dijemput bagi menyampaikan taklimat dari sudut latar belakang, kaedah pelaksanaan beserta penerangan sebahagian ayat-ayat Kauniyah.

Semoga aspek kemukjizatan yang terzahir daripada ayat-ayat Kauniah dalam Al-Quran akan menjadi satu metod dakwah yang efisyen di zaman sains dan teknologi pada hari ini. Diharap program "Tadabbur" ini akan menjadi asbab bumi Perak yang disayangi akan dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada Yang Maha Esa lantaran bacaan Al-Quran dan penghayatannya terus disemarakkan. Semoga Allah SWT mengurniakan ganjaran pahala berpanjangan serta limpahan rahmat kepada semua yang menyokong usaha Program Tadabbur Al-Quran khususnya di seluruh negeri Perak Darul Ridzuan yang tercinta.

Dikesempatan ini kami juga menjemput tuan/ puan untuk bersama-sama menunaikan wakaf bagi menyokong pelaksanaan Program Tadabbur Al-Quran. Cara sumbangan Waqaf Perak Ar-Ridzuan boleh dilakukan seperti di halaman 16.



MESYUARAT PEMANTAUAN TANAH MAIPk

LANGKAWI - Unit Pembangunan Hartanah, MAIPk telah menganjurkan Mesyuarat Pemantauan Tanah (MPT) MAIPk Kali Ke-8 Bilangan 1/2019 pada 18-20 September 2019 bertempat di HIG Hotel Langkawi, Kedah. Mesyuarat yang diadakan secara berkala ini melibatkan semua wakil Pejabat Daerah dan Tanah (18 ahli), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak (2 ahli), JUPEM (1 ahli), JKPTG (1 ahli), Pengurusan MAIPk (4 ahli), Pegawai Baitulmal Daerah (17 ahli), Unit Pengurusan Hartanah MAIPk (8 ahli), dan Pembantu Tadbir Hartanah MAIPk Daerah (9 ahli). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan penyelesaian bagi setiap isu yang dibangkitkan oleh MAIPk melibatkan status permohonan pemberimilikan tanah, pertindihan kelulusan tanah, pengurangan kluasan tanah, pengukuran tanah, pendaftaran tanah dan pengambilan tanah. Sebanyak 95 isu berbangkit, 1,260 permohonan berimilik dan 38 isu baharu telah berjaya dibincangkan untuk tindakan segera oleh pihak terlibat.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA PKEINPK SDN BHD (PSB) ANAK SYARIKAT MAIPk BERSAMA SELGATE HEALTHCARE SDN. BHD., RAUDHAAH CITY SDN. BHD. DAN UITM HOLDINGS SDN. BHD.

IPOH, 06 September 2019 - Satu majlis menandatangani memorandum Persefahaman (MOU) telah diadakan bagi pembangunan tanah milik MAIPk yang akan dimajukan oleh PKEINPK Sdn Bhd (PSB) di atas Lot 529944 Bandar Meru Raya dalam Bandar Ipoh serta usahasama dibidang penjagaan kesihatan di Negeri Perak. PSB selaku anak syarikat MAIPk telah melaksanakan perniagaan dalam bidang perladangan, hartaanah dan kesihatan. PSB sedang menguruskan beberapa projek pembangunan hartaanah di negeri Perak termasuk pembangunan tanah Wakaf dan tanah Baitulmal yang diselenggara oleh MAIPk. Aktiviti perniagaan PSB turut menyumbang kepada kepeseran ekonomi negeri Perak. PSB akan menjalankan usahasama pembangunan dengan beberapa pihak yang berminat untuk membangunkan sektor perubatan dan penjagaan kesihatan, pendidikan, serta pembangunan hartaanah iaitu Selgate Corporation Sdn Bhd, Raudhah City Sdn Bhd dan UiTM Holdings Sdn Bhd.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) ini telah disaksikan oleh YBrs. Encik Khairul Shahrul bin Amin, Pegawai Khas Kedua Menteri Besar

Perak. Turut hadir, YABhg. Dato' Seri Mohd Annur bin Zaini, Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan Sdn Bhd, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin, Pengerusi PSB, Tuan Abd Rahman bin Abdullah Thani, Ketua Pegawai Eksekutif PSB dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari.



BANTUAN PERALATAN MODAL DIMANFAATKAN ASNAF UNTUK JANA PENDAPATAN



PENYERAHAN BANTUAN MODAL BARANGAN BOT DAN ENJIN DI KG. MAKMOR, SUNGAI SIPUT PADA 26 JUN 2019



PENYERAHAN BANTUAN MODAL BARANGAN STALL BURGER DI KG. JAWANG, SUNGAI SIPUT PADA 5 JULAI 2019



PENYAMPAIAN BANTUAN MESIN PENYERAH SANTAN DI TITI SERONG PADA 10 JULAI 2019



PENYERAHAN BARANGAN BANTUAN MODAL PADA 16 JULAI 2019



PENYERAHAN BANTUAN MESIN MENGCOPEK KELAPA KEPADA ENCIK KHAIRUL AFENDDI BIN KUSNI DI KOTA MALIM PRIMA, TANJUNG MALIM PADA 23 JULAI 2019.



PENYERAHAN BANTUAN PETI SEJUK BEKU KEPADA ENCIK ZAKI BIN IBRAHIM DI KAMPUNG KETOYONG, TANJUNG MALIM PADA 23 JULAI 2019



PENYERAHAN BANTUAN MESIN PENGISAR KERISIK KEPADA ENCIK MUHAMMAD NORZAMIR BIN MOHD HALIN DI KAMPUNG CHABANG LIMA, TANJUNG MALIM PADA 23 JULAI 2019



PENYERAHAN BANTUAN PETI SEJUK BEKU, KETUHAR, DAN MESIN PENGADUN TEPUNG KEPADA PUAN JAMILAH BINTI HAYAT DI KAMPUNG PASIR, SLIM RIVER PADA 23 JULAI 2019



PENYERAHAN BARANGAN BANTUAN MODAL DI PEJABAT MAIPK KUALA KANGSAR PADA 7 OGOS 2019



PENYERAHAN BANTUAN MODAL BOT KEPADA DUA PENERIMA DI JETI PEKAN MANONG PADA 22 OGOS 2019



SERAH BANTUAN MODAL KELUARGA YANG MENYEDIAKAN SAMBAL HITAM IKAN BILIS DI KG. CHEH HILIR PADA 4 SEPTEMBER 2019



SERAH BANTUAN MODAL DI KG KOTA LAMA KANAN PADA 4 SEPTEMBER 2019



SERAH BANTUAN MESIN RUMPUT DI LADANG CHENSONESE, KUALA KURAU PADA 11 SEPTEMBER 2019

SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ADIK NUR UMAIRAH JANNAH YANG MENDERITA HYDROCEPHALUS (LEBIHAN CECAIR DALAM OTAK) DI SG. SIPUT PADA 3 JULAI 2019

Dan dimaklumkan bahawa adik Nur Umairah Jannah telah kembali ke rahmatullah pada 10 Julai 2019

SUMBANGAN BANTUAN PERUBATAN KEPADA PN. NORASYIKIN ABAS YANG MENGHIDAP KANSER RAHIM TAHP 4 DI TAMAN MALCOP, SILIBIN PADA 17 JULAI 2019.



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHD SHAHRIZAL ABDUL RAFAR SEORANG PEKERJA TUKANG KEBUN TERLIBAT DENGAN KEMALANGAN JALAN RAYA DI HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN PADA 1 OGOS 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA CIK ASIAH BINTI NORDI YANG MENGALAMI KEMALANGAN JALAN RAYA DI RPT JELAPANG JAYA PADA 2 OGOS 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK AHMAD ASSYUHADEE AHMAD OTHMAN YANG PATAH TULANG PEHA AKIBAT MENGALAMI KEMALANGAN JALAN RAYA (SEMASA BEKERJA SEBAGAI PEMANDU BAS EKSPRESS YOYO) DI TAMAN MUDA, SIMPANG PULAI PADA 2 OGOS 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ADIK MUHAMMAD ADAM MUZMEER MENGHIDAP PENYAKIT HYDROCEPHALUS DI MANJOI PADA 15 OGOS 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA EN. KHIR NORDIN BIN YACOB SAKIT TERLANTAR SETELAH BUAH PINGGANG SEBELAH KANAN DIBUANG DI TAMAN LAPANGAN JAYA PADA 12 SEPTEMBER 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PN. AZIZAH YANG BERUSIA 73 TAHUN DI TAMAN PERPADUAN IPOH 12 SEPTEMBER 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN NOORELIAWATHY NORDIN, IBU TUNGGAL YANG MENANGGUNG 3 ORANG ANAK KECIL. DI KLEBANG PRIMA, CHEMOR PADA 15 OGOS 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PN. ZABIDAH NGAH LAZIM YANG DITIMPA MUSIBAH APABILA RUMAHNYA DILANDA RIBUT DI KG. DATO AHMAD SAID PADA 18 OGOS 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SABARIAH DI KG. PERAK, PARIT BUNTAR 20 SEPTEMBER 2019

ASNAF DIBANTU MENERUSI SKIM BANTUAN BINA RUMAH



SERAH KUNCI RUMAH KEPADA PUAN SITI ROKIAH PADA 29 MEI 2019



SERAH KUNCI RUMAH KEPADA PUAN RAMLAH DARUS PADA 4 JUN 2019



SERAH KUNCI RUMAH DI KAWASAN TITI SERONG PADA 10 JULAI 2019



SERAH KUNCI RUMAH KEPADA ASNAF FAKIR DI KG. RAJA BASHAH,KUALA KURAU PADA 02 OGOS 2019



SERAH KUNCI RUMAH KEPADA EN SHAHRUL PADA 23 OGOS 2019



SERAH KUNCI RUMAH KEPADA EN. JOHARI DI BAGAN TIANG PADA 31 OGOS 2019

SERAH KUNCI RUMAH KEPADA ASNAF FAKIR KAWASAN KUALA KURAU PADA 26 JULAI 2019

LATIHAN KEMAHIRAN MAIPk TERUS DIPERKASA UNTUK ANAK ASNAF CEBURI BIDANG PEKERJAAN

Golongan belia dari kalangan anak-anak Asnaf Fakir dan Miskin terus dibantu oleh MAIPk untuk menyertai latihan kemahiran. Pada tahun 2019 dan sehingga kini, hampir 250 orang peserta Program Latihan Kemahiran MAIPk sedang menjalani latihan di pusat-pusat latihan kemahiran berauliah di seluruh negara.



PELATIH KURSUS JENTERA BERAT DI ABM SINTOK DAN KURSUS KIMPALAN ARKA DI KISMEC SG. PETANI PADA 1 JULAI 2019



PELATIH KURSUS PEMBUATAN PASTRI DI KOLEJ MIDAS BATU GAJAH PADA 11 JULAI 2019



PESERTA PROPER A KURSUS SPA DAN SALUN MUSLIMAH DI KG. GAJAH PADA 31 JULAI 2019



PESERTA KURSUS OPERASI PEMESINAN DAN KURSUS JURUTEKNIK OPERASI PENGACUAN SUNTIKAN - MEKANIKAL PEMBUATAN BERSAMA TENAGA PENGAJAR PUSAT PESDC DI KIDR PADA 19 OGOS 2019



SESI PEMANTAUAN PELATIH KURSUS KIMPALAN ARKA 6G DI KISMEC SG. PETANI 12 SEPTEMBER 2019

BERITA SANA SINI



PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-208 PADA 19 JULAI 2019



LAWATAN KERJA MAIPk KE LEMBAGA ZAKAT KEDAH DI KULIM PADA 23 JULAI 2019



BENGKEL AMIL DI KIDR PADA 28 OGOS 2019



KUNJUNGAN HORMAT MAIPk KE LEMBAGA ZAKAT SELANGOR PADA 29 OGOS 2019



KONTIJEN MAIPk MENYERTAI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERAK PADA 31 OGOS 2019



PERSIDANGAN KHAS MAIPk KALI KE-209 PADA 20 SEPTEMBER 2019



LAWATAN KERJA MAIPk KE TABUNG BAITULMAL SARAWAK PADA 12 SEPTEMBER 2019



KAUNTER ZAKAT DAN WAKAF BERGERAK MAIPk DI PROGRAM SETIA PERAKKU DUN SLIM, DEWAN TAN SRI GHAZALI JAWI SLIM RIVER PADA 26 SEPTEMBER 2019

Tunaikan ZAKAT ANDA KEPADA

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)

SALURAN BAYARAN KAUNTER ZAKAT

19 Kaunter Cawangan Seluruh Negeri Perak

AMIL FITRAH

AMIL HARTA

AMIL PROFESIONAL

PERUNDING ZAKAT

FIRMA AKUAN/
AUDIT BERTAULIAH

KAUNTER POS
MALAYSIA

KAEDAH PEMBAYARAN ONLINE



Biller Code : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : Nombor Telefon

Jompay (Bersama Biller Code)



FPX-Melalui Portal MAIPk
www.maiamp.gov.my



Dana Wakaf Kepercayaan Anda



KAEDAH BAYARAN

- 01 Pembayaran di kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
05 Pembayaran melalui EFT Waqaf Perak Ar Ridzuan, No Akaun **Maybank: 558024315712**
06 Biller Code: **29892** | Ref-1 : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di wakafperak.gov.my
JomPay online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

- 02 Pembayaran melalui FPX
Layari wakafperak.gov.my

- 03 Potongan Gaji Online
Layari wakafperak.gov.my

- 04 Internet Banking
Maybank2U.com



7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4) Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5) Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).